

Ahli Parlimen kena isytihar harta

Oleh **YULPISMAN ASLI**
dan **SOFIAN BAHAROM**
penarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 14 MEI

JAWATANKUASA Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) dicadang memasukkan skop Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dalam petunjuk prestasi utama (KPI) menteri.

Itu antara lima cadangan dikemukakan oleh Pusat Governans Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dalam mesyuarat JKKMAR Ke-8 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Di bawah cadangan itu semua menteri harus memastikan anggota pentadbiran kementerian telah mengisytiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Cadangan lain ialah mewujudkan dan melaksanakan dasar menerima hadiah, melaksanakan pelan antirasuah peringkat organisasi masing-masing, mengadakan mesyuarat pemantapan governans, integriti dan antirasuah di peringkat kementerian serta meningkatkan ketelusan perolehan awam dan mengurangkan risiko rasuah.

“Kerajaan berpendapat bahawa rasuah adalah satu gejala jenayah yang akan menghalang kemajuan negara kita.

“Untuk melawan rasuah ini kita perlu mengambil banyak tindakan, tindakan bukan sahaja oleh SPRM tetapi juga tiap anggota kerajaan, kementerian, institusi dan sebagainya. Semuanya memainkan peranan untuk mencegah rasuah dan masing-masing perlu tahu apakah cara mereka bergerak untuk mencegah rasuah.

“Semua menteri dan timbalan menteri, dan juga kita akan panjangkan kepada semua Ahli Parlimen walaupun mereka daripada parti lawan,” kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu di bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Mengenai pengisytiharan harta semua ahli Parlimen, Perdana Menteri berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md. Yusof sebelum diteruskan.

Jelasnya, pengisytiharan harta dalam kalangan Ahli Parlimen pembangkang adalah sebagai 'fi' di atas keterbukaan kerajaan yang membenarkan mereka mengkritik.

Ditanya siapa yang akan memantau pelaksanaan usaha kerajaan dalam menangani rasuah, Perdana Menteri berkata, akan dibuat oleh rakyat.